

# Venezuela minat contohi kejayaan kita basmi kemiskinan

UM - 19/12/2006

CARACAS 18 Dis. - Venezuela sangat berminat untuk mempelajari dan mencontohi kejayaan Malaysia dalam membasmi kemiskinan kerana 85 peratus daripada 25 juta penduduknya masih hidup dalam kemiskinan, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Beliau berkata, rakan sejawatannya dari Venezuela Nicolas Maduro memberitahunya perkara itu dalam perbincangan mereka di sini hari ini.

"Beliau sangat berminat untuk belajar bagaimana Malaysia dapat mengurangkan kadar kemiskinan secara drastik (daripada 50 peratus pada awal 1970-an kepada hanya 5.7 peratus tahun lepas)," katanya kepada wartawan Malaysia di sini.

Untuk mempermudah pelaksanaan langkah itu, sebuah Majlis Pembangunan Sosial dan Ekonomi Bersama akan ditubuhkan tahun depan untuk menggalakkan pembangunan ekonomi dan sosial, kata Syed Hamid yang menganggotai delegasi yang mengiringi lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selama tiga hari ke Venezuela.

Di samping memperkukuhkan hubungan ekonomi, majlis itu juga akan terdiri daripada wakil-wakil kerajaan dan sektor swasta kedua-dua buah negara, yang juga akan mengkaji cara-cara untuk membantu penduduk miskin di Venezuela supaya mereka dapat keluar dari lingkaran kemiskinan.

Dalam mengurangkan kemiskinan, program-program Malaysia bukan sahaja menyediakan bantuan serta menjaga kebajikan bahkan turut memberikan perhatian kepada keperluan pendidikan, latihan, pembangunan modal insan, perumahan, kesihatan dan modal perniagaan untuk membantu golongan miskin dan miskin tegar.

Malaysia memperuntukkan RM11 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) untuk program-program membasmi kemiskinan dan menyasarkan untuk mengurangkan lagi kadar kemiskinan tegar daripada 5.7 peratus pada 2004 kepada 2.9 peratus pada penghujung tempoh pelan pembangunan lima tahun itu.

## Menggalakkan

Venezuela, negara yang terletak di utara Amerika Selatan, adalah negara pengeksporth minyak mentah yang kelima terbesar di dunia dan di bawah kepimpinan Presiden Hugo Chavez pentadbirannya telah melancarkan Misi Sosial dengan menggalakkan pembangunan sosial menerusi pengagihan secara telus dan adil kekayaan hasil minyak negara itu supaya seluruh penduduknya akan menikmati.

Kepada soalan lain, Syed Hamid percaya perdagangan dua hala antara kedua-dua negara akan dipertingkatkan lagi berikutan minat yang ditunjukkan oleh pemimpin tertinggi kedua-dua negara.

Malah, Perdana Menteri turut membawa bersamanya para pelabur terkemuka Malaysia dan akan berjumpa masyarakat peniaga Venezuela esok sebagai langkah untuk meneroka lanjut kerjasama ekonomi terutamanya dalam bidang pembangunan infrastruktur, industri minyak dan gas, selain industri perladangan di negara ini.

Perdagangan dua hala antara kedua-dua negara berjumlah AS\$39.6 juta (RM150.5 juta) tahun lepas berbanding jumlah perdagangan Malaysia dengan Amerika Latin yang bernilai RM12.9 bilion tahun lepas.

"Saya percaya akan ada tindakan yang lebih serius antara kerajaan dan sektor swasta kedua-dua negara dalam mempertingkatkan kerjasama ekonomi selepas ini," katanya.

Mengenai pelaburan yang sangat minimum antara kedua-dua negara pada masa ini, Syed Hamid percaya situasi itu akan berubah berikutan pertukaran lawatan antara kedua-dua pemimpin dan kesungguhan mereka untuk melaksanakan kemajuan.

Pelaburan Venezuela di Malaysia melibatkan pembukaan sebuah disko salsa di Kuala Lumpur manakala sebuah syarikat Malaysia telah menubuhkan sebuah pusat pengedaran farmaseutikal di negara ini.

Beliau berkata, para pelabur mungkin bimbang untuk melabur di Venezuela sebelum ini kerana keadaan politiknya yang tidak stabil tetapi keadaan itu kini telah berubah.